



KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera di **Negeri Melaka** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan berdaftar dengan **Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (LPIP / CIDB)** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi kerja berikut :-

Tarikh Iklan: 20/08/2019

No. Rujukan	Butir-Butir	Kelayakan	Harga Dokumen	Pendaftaran & Taklimat Tapak
200-KBM (KEW5/11/SH)009/19	CADANGAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DINDING LIPAT DI UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA MELAKA	Berdaftar dengan CIDB dan memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Bertaraf Bumiputera G2 yang masih sah • Gred : G2 • Kategori : B • Pengkhususan : B07 – (Hiasan Dalaman)	RM 50.00	27 Ogos 2019 Jam 10.00 Pagi Di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Fasilitas UITM Bandaraya Melaka (TAKLIMAT)

Syarat-Syarat Menyertai Sebutharga

Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawat Tapak. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :

- Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak.
- Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan Ini.
- Tidak dibenarkan menyertai tawaran sebutharga yang dibuka ini.


Petender-petender dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PPK Sijil Taraf Bumiputera (G2), CIDB SPKK, CIDB** dalam gred seperti di atas dan menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.

Dokumen Sebutharga boleh didapati di **Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Kampus Bandaraya Melaka** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.15 petang selepas lawatan tapak (pada hari bekerja). Bayaran dokumen Sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk tunai/Bank Draf sahaja atas nama **BENDAHARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**.

Dokumen Meja Tawaran sebutharga juga dipamer pada **20/08/2019** di Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka.

Dokumen tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **PEJABAT BENDAHARI, UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA MELAKA** dengan menulis nombor dan tajuk tawaran di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.

Tawaran Sebutharga di atas akan ditutup pada **03/09/2019** jam 12.00 tengahari.


SHAHRIL AZLAN BIN MOHD YUSOF
PENOLONG AKAUNTAN
PEJABAT BENDAHARI
UITM KAMPUS BANDARAYA
MELAKA